

# Pak Lah pegang kepada janji tiga naib presiden

UM 77 JUN 2003

Oleh AZNAN BAKAR dan ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 16 Jun— Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau berpegang kepada janji ketiga-tiga Naib Presiden UMNO bahawa mereka tidak akan mencabar dalam pemilihan UMNO akan datang bagi memastikan tidak berlaku perebutan kuasa dalam parti.

Timbalan Presiden UMNO itu berkata, ketiga-tiga pemimpin kanan parti itu telah memberikan komitmen mereka kepada beliau untuk menyokong sesiapa sahaja yang dipilih sebagai timbalan.

“Mereka bersetuju untuk menyokong presiden parti selepas beliau meninggalkan orang yang saya pilih sebagai timbalan. Itu yang mereka kata.

“Saya akan pegang janji mereka,” katanya pada sidang akhbar selepas mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia di sini, hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam bahawa beliau secara peribadi tidak akan mencabar sesiapa sahaja yang dipilih untuk memegang jawatan timbalan presiden parti.

Rata Muhyiddin, beliau juga percaya perebutan jawatan timbalan presiden tidak akan berlaku dalam pemilihan parti tahun depan.

Sebelum itu dalam wawancara dengan *Mingguan Malaysia*, Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO melahirkan kebimbangan akan berlaku perebutan jawatan timbalan tampuk kepimpinan Oktober ini.

Perdana Menteri turut menyuarakan kebimbangan perebutan jawatan kanan parti terutama jawatan nombor dua pada pemilihan UMNO tahun depan boleh menyebabkan pergolakan.

Abdullah memuji pendirian Muhyiddin

semalam yang selari dengan kehendak Perdana Menteri dan juga selaras dengan janji yang diberikannya sebelum ini.

“Bag-uslah, itulah yang Muhyiddin beritahu saya,” katanya.

Muhyiddin merupakan salah seorang daripada tiga Naib Presiden UMNO yang dikatakan berpeluang untuk merebut jawatan timbalan presiden. Dua lagi ialah Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd. Taib.

Menurut Muhyiddin lagi, secara peribadi beliau juga mahu sesiapa yang terpilih untuk mengisi jawatan timbalan presiden diberikan ruang dan sokongan.

Ditanya kemungkinan akan ada pemimpin terbabit yang akan mengingkari janji tersebut Abdullah berkata, beliau percaya mereka tidak akan berbuat demikian.

“Kita tengoklah, saya ingat kawan-kawan saya ini ikhlas,” ujar beliau.